

14/02/1998

MT izin pertandingan (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini membuat keputusan bahawa semua jawatan di peringkat bahagian di seluruh negara boleh dipertandingkan kecuali jawatan Ketua Bahagian dan Timbalan Ketua Bahagian Gua Musang serta Peringat di Kelantan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT membuat keputusan bahawa jawatan Ketua Bahagian Gua Musang diberi kepada bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah manakala jawatan timbalan diserahkan kepada bekas ketuanya, Saupi Deraman.

Di bahagian Peringat pula, Dr Mahathir berkata, kedudukan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa sebagai Ketua Bahagian dikekalkan manakala ahli Dewan Undangan Negeri Melor, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, menjadi timbalannya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau akan merasa terkilan jika nasihatnya supaya semua jawatan ketua bahagian tidak dipertandingkan, tidak dipatuhi.

Menurutnya, walaupun tidak ada sekatan kepada mana-mana calon untuk bertanding mana-mana jawatan di peringkat itu, beliau berharap nasihatnya ditafsirkan sebagai 'nasihat yang patut dipatuhi'.

"Di Kelantan keputusan kita ialah supaya tidak ada pertandingan untuk jawatan ketua bahagian tetapi sekali lagi ini merupakan nasihat walaupun ia adalah bentuk nasihat presiden. Apabila nasihat presiden ia patutlah dipatuhi.

"Saya berasa terkilan kerana tidak patuh kepada nasihat pemimpin. Kalau dalam parti, nasihat pemimpin tak diendah, saya ingat sukar bagi parti untuk berjalan dengan baik.

"Namun demikian, kalau tidak dipatuhi tidak ada apa yang boleh kita buat," kata Dr Mahathir sambil menegaskan tujuan nasihatnya ialah untuk menjaga perpaduan dalam parti.

"Bagaimanapun, jika ada pertandingan jangan membawa kepada perpecahan. Kita demokrasi..." katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT hampir tiga jam di ibu pejabat Umno, di sini.

Beliau juga mengulangi keputusan mesyuarat MT yang lalu bahawa ahli MT tidak boleh mencabar ketua bahagian yang sedia ada dan ahli MT yang menjadi ketua bahagian tidak boleh dicabar.

"Tetapi ini bukan sesuatu arahan tetapi satu nasihat. Jawatan lain boleh ditandingi. Mereka yang bukan jadi ahli MT dan ketua bahagian yang bukan ahli MT, pertandingan boleh diadakan," katanya.

Ditanya ada calon tertentu menggunakan akhbar tabloid untuk berkempen, Dr Mahathir berkata perkara itu akan diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal.

Beliau berkata, MT turut membincangkan soal ekonomi termasuk mengambil pendirian bahawa kerajaan belum dapat memastikan sama ada keadaan ekonomi sudah pulih dengan baik atau sebaliknya kerana nilai ringgit serta mata wang lain di rantau belum stabil.

"Dengan keadaan ini kita berhati-hati dan akan bekerjasama dengan negara-negara jiran serta Jepun untuk mencari jalan menstabilkan nilai mata wang kita," katanya.

Mengenai kesediaan wanita yang ingin menjual barang kemas untuk membantu menambahkan kecairan wang dalam pasaran, Perdana Menteri berkata, penjualannya akan dilakukan di luar negara bagi membolehkan mata wang asing dibawa balik.

"Kalau ada pihak ingin menderma barang kemas mereka, derma itu hendaklah

disampaikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Hanya badan ini yang berhak mengutip bagi pihak kerajaan supaya barang kemas yang dijual itu akan menolong menambah rizab negara," katanya.

Ditanya kenyataan Menteri Kewangan Singapura, Richard Ho, bahawa dollar republik itu tidak cukup untuk diedarkan jika digunakan dalam perdagangan Asean, Perdana Menteri berkata jika cadangan itu tidak praktikal ia tidak perlu dilaksanakan.

(END)